

Usaha pesat dijalan bagi majukan pelancongan

KOTA KINABALU 23 Julai
— Perdana Menteri, Datuk
Seri Dr. Mahathir
Mohamad hari ini berkata,
usaha-usaha yang lebih pe-
sat hendaklah dijalankan
bagi memajukan lagi sektor
pelancongan di Sabah.

Katanya, ini kerana Sa-
bah mempunyai banyak po-
tensi sebagai pusat pelanco-
ngan. 24 JULI 1994

“Saya percaya bahawa de-
ngan pengurusan pembang-
unan yang mampat dan jitu,
di samping kerjasama se-
mua pihak kita akan berja-
ya membangunkan Sabah
sebagai pusat peranganin
yang popular di rantau ini.

“Pendekatan yang rapi
dan bijak akan membole-
hkan pembangunan pelanco-
ngan dijalankan tanpa me-
musnahkan budaya kita
tetapi sebaliknya akan me-
manfaatkan negara dan
penduduk tempatan,” kata-
nya semasa berucap meras-
mikan projek Sutera Har-
bour Resort Sdn. Bhd., di
sini hari ini.

Beliau berkata, Sabah
berbanding dengan negeri-
negeri lain di Malaysia,
mempunyai kadar pembang-
unan pelancongan yang
agak rendah.

Oleh kerana itu, katanya,
usaha-usaha harus dijalan-
kan bagi membangunkan-
nya secara terancang.

Perdana Menteri berkata,
kerajaan dan sektor swasta
perlu bekerjasama dalam
menenalpasti kawasan
mana yang boleh dan harus
dibangunkan sebagai pusat
pelancongan.

Dr. Mahathir berkata, di
samping menyediakan sua-
sana pelaburan yang mena-
rik, kerajaan akan menen-
tukan bahawa infrastruktur
yang cukup disediakan bagi
membantu pihak swasta.